



*Risalah*

# #MALAYSIA MEMBACA



.4297  
IAS

DR. MASZLEE MALIK . NURUL IZZAH ANWAR  
HASRIZAL ABDUL JAMIL . HILAL ASYRAF  
SYED AZHARUL ASRIQ . HANAPI JAMALUDIN  
ZAMRI MOHAMAD . ZAHRAH YUNOS



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
SEPPINAN  
PERDANA

# #MALYSIAMEMBACA

*Perdana library,  
Selamat membaca!*

*Masjee Khalid  
28/9/2019*



PUSTAKA PERDANA



1012008



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

*Risalah*


# #MALAYSIA MEMBACA

DR. MASZLEE MALIK . NURUL IZZAH ANWAR . HASRIZAL ABDUL JAMIL . HILAL ASYRAF  
SYED AZHARUL ASRIQ . HANAPI JAMALUDIN . ZAMRI MOHAMAD . ZAHRAH YUNOS

Inspirasi Pencinta Buku



JEJAK TARBIAH PUBLICATION  
2019





Hak cipta @ Jejak Tarbiah 2019  
Cetakan Pertama 2019

Terbitan pertama 2019 oleh Jejak Tarbiah. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbit atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian, tanpa keizinan bertulis daripada **Jejak Tarbiah Publication**.

**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan**

**Maszlee Malik, Dr., 1974-**

**RISALAH MALAYSIA MEMBACA / DR. MASZLEE MALIK, NURUL IZZAH ANWAR, HASRIZAL ABDUL JAMIL, HILAL ASYRAF, SYED AZHARUL ASRIQ, HANAPI JAMALUDIN, ZAMRI MOHAMAD, ZAHRAH YUNOS.**

**ISBN 978-967-15792-9-9**

**1. Reading. 2. Reading habits. I. Nurul Izzah Anwar. II. Hasrizal Abdul Jamil, Ustaz, 1975- III. Hilal Asyraf, 1989- IV. Syed Azharul Asriq, 1994- V. Hanapi Jamaludin. VI. Zamri Mohamad, 1981- VII. Zahrah Yunos, Dr. VIII. Judul. 372.4297.61**

Diterbitkan oleh : JEJAK TARBIAH PUBLICATION (002770755-V)  
B-4-23 Apartment Green Villa,  
Sungai Tangkas, 43000 Kajang, Selangor

Hubungi : TELEFON: +6011-2906 2609  
E-MEL: jejaktarbiah@gmail.com  
LAMAM WEB: www.jejaktarbiah.com  
FB: Jejak Tarbiah  
INSTA: @jejektarbiah

Reka Letak dan Kulit : Nur Syahirah Salehuddin

Penyusun : Nurul Aliyah Sham Rambely

Editor : Mardhiyyah Abadan  
Syed Azharul Asriq

Pruf : Nurshahirah Jamal


Dicetak oleh : FIRDAUS PRESS SDN. BHD.  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang

372.4297



## KANDUNGAN

Pengantar	i
Dr. Maszlee Malik: Kecintaan pada Buku	1
Nurul Izzah Anwar: Puteri Reformasi yang Membaca	13
Hasrizal Abdul Jamil: #Hasrizal Membaca	34
Syed Azharul Asriq: Pemuda Penjejak Sejarah	50
Hilal Asyraf: Bagaimana Munculnya Hilal	67
Hanapi Jamaludin: Jangan Robohkan Jambatan Ilmu	79
Zamri Mohamad: Tolonglah, Jangan “Suruh” Orang Membaca	101
Dr. Zahrah Yunos: Melawan Mitos Bangsa Malas Membaca	112



## ***PENGANTAR***

# **Bermulanya Gerakan #MalaysiaMembaca**

Ray Bradbury pernah menyatakan, "Tidak perlu menghancurkan buku untuk meruntuhkan peradaban, sebaliknya hanya perlu memastikan orang berhenti membaca, runtuhlah segala-galanya."

Buya HAMKA berpesan kepada kita, "Membaca buku-buku yang baik bererti memberi makanan rohani yang baik."

Ahli falsafah tersohor, Rene Descartes pula menyebut, "Membaca buku yang hebat ibarat mengadakan dialog dengan para cendekiawan yang cemerlang dari masa lampau. Pemikiran mereka terus hidup dan berpengaruh sehingga kini. Penulis menuangkan gagasan mereka yang terbaik semata-mata."


Kajian profil membaca rakyat Malaysia oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005 mendapati masyarakat kita hanya membaca dua naskhah buku setahun namun, dalam laporan kajian interim tabiat membaca rakyat Malaysia yang dibuat pada tahun 2014, jumlahnya meningkat kepada 15

naskah buku. Walaupun terdapat peningkatan, jumlah ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara maju. Rakyat mereka membaca hampir 40 judul buku setahun!

Kadar celik huruf rakyat Malaysia pula telah hampir ke angka 94.64 peratus, mengikut Laporan Literasi Dewasa dan Belia: Trend Nasional Serantau dan Global 1985-2015 terbitan Institut Statistik Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Walau demikian, secara purata rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak 15 hingga 20 buku setahun. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara, kadar membaca rakyat negara ini masih jauh ketinggalan.

Kajian Negara PalingTinggi Literasi yang dilakukan oleh Universiti Negeri Connecticut Tengah, Amerika Syarikat pada tahun 2016 pula meletakkan Malaysia di kedudukan yang ke-53, jauh di belakang negara jiran iaitu Singapura yang berada di tangga ke-36. Tinjauan tentang tabiat literasi di lebih 60 buah negara di dunia itu mengisytiharkan negara Nordik (Finland, Norway, Iceland, Denmark dan Sweden) sebagai "negara paling tinggi kadar literasi" di dunia.

Penerbitan buku pula telah digunakan oleh UNESCO sebagai satu daripada kriteria taraf negara maju dengan jumlah penerbitan yang ditetapkan sebanyak satu peratus bagi setiap juta penduduknya.



Di Malaysia, sasaran kerajaan untuk penerbitan negara ialah 31 700 judul setahun menjelang 2020, berbanding 19 713 judul pada tahun 2017.

Pengiktirafan UNESCO kepada Malaysia sebagai Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan KL Baca — *Caring Through Reading* merupakan satu pencapaian yang sangat bermakna dan seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara membaca pada tahun 2030. Bandar raya yang terpilih sebagai ibu kota buku dunia oleh UNESCO perlu berusaha untuk mempromosikan buku dan pembacaan serta menganjurkan aktiviti sepanjang tahun. Tahun sambutan akan dimulakan pada 23 April 2020 iaitu pada Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Daripada beberapa senario yang saya kongsi tadi, kita sedar bahawa perjalanan kita ini masih panjang, jauh dan memerlukan usaha yang berterusan. Kita perlu menggembleng tenaga dan berganding bahu. Biar "lambat laga asalkan menang", maksudnya biarlah lambat asalkan hasrat kita tercapai.

Tidak wujud negara maju sekiranya tiada generasi muda yang bersahsiah mulia, berfikiran matang dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Ciri-ciri ini tidak lain tidak bukan, hanya lahir daripada tabiat membaca.



Oleh hal itu, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk menjadikan rentang masa sepuluh tahun, bermula dari tahun 2021 hingga tahun 2030, sebagai Dekad Membaca Kebangsaan atau ringkasnya DMK. Kita mahu menjadikan Malaysia sebagai "Negara Membaca 2030".

Didukung oleh falsafah untuk membentuk masyarakat berilmu bertaraf dunia dengan fokus membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca, Kempen Dekad Membaca Kebangsaan digerakkan dengan tujuan; (1) Meningkatkan tabiat membaca untuk tujuan rekreasi dan literasi ilmu bagi melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis, (2) memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu, dan (3) mencambahkan tradisi keilmuan dan wacana intelektual dalam kalangan masyarakat.

Slogan dan tagar #MalaysiaMembaca pula dipilih dan mesti dipopularkan agar aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia senantiasa menyelinap dalam sanubari dan denyut nadi masyarakat.

Dari segi program untuk mengisi dan merencanakan Dekad Bahasa Kebangsaan, antara perancangan aktiviti utama yang perlu dilaksanakan termasuklah:



1. Program aktiviti membaca kebangsaan. Antaranya, gerakan membaca seluruh negara; kempen membaca di sekolah dan rumah rumah, kempen membaca kepada golongan kelainan upaya, gelandangan, warga emas dan lain-lain. Selain itu diwujudkan juga duta #MalaysiaMembaca, program satu keluarga satu perpustakaan, satu komuniti satu perpustakaan dan lain-lain lagi.

2. Pembangunan prasarana aktiviti membaca, antaranya seperti pasar buku, lorong e-buku, akademi kota buku, serta muzium bahasa dan persuratan Melayu.

3. Pesta buku sebagai destinasi perbukuan masyarakat, melalui penganjuran acara ini pada pelbagai peringkat kebangsaan, antarabangsa, sektor, negeri dan sebagainya.

4. Pembangunan pembacaan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak, antaranya melalui pelbagai program penataran bakat calon penulis baharu dalam pelbagai peringkat umur dengan tujuan untuk memperkaya bahan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja.

5. Capaian buku digital atau e-buku: Bagi memudahkan akses kepada kandungan untuk kegunaan orang ramai dan menyokong gaya hidup dan komuniti pintar abad ke-21, pelbagai program capaian digital



dan e-buku dirancang seperti perpustakaan ubiquitous (u-pustaka), zon e-buku percuma, majalah digital, perpustakaan buku audio dan Braille.

6. Pendidikan sepanjang hayat: Program pendidikan yang dapat meningkatkan kehidupan insan melalui peningkatan kemahiran kerja, penambahbaikan sahsiah diri dan peningkatan ilmu, antaranya melalui program literasi media dan maklumat, kem belia membaca, pembacaan sebagai sasaran kerja tahunan (SKT) kepada semua penjawat awam.

Hasrat kerajaan untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan masyarakat memerlukan komitmen yang tinggi dan berterusan serta sumber bersepadu yang merentas pelbagai sektor dan segala penggiat literasi di negara ini.

Dengan adanya kesedaran dan kesatuan usaha ini, terjalinlah jaringan literasi dan sekali gus muncullah kolaborasi sesama kita untuk menggalas tanggungjawab memandaikan dan mencerdaskan anak bangsa, sekali gus meninggikan harakat peradaban bangsa.

Sudah sampai masanya untuk kita menjadikan negara Malaysia sebagai negara membaca. Dan tahun 2019 ini ialah tahun kita harus bermula.

*Dr. Maszlee Malik*

**Menteri Pendidikan Malaysia**

*Dr. Maszlee Malik*

**KECINTAAN  
PADA BUKU**



RISALAH #MALAYSIA MEMBACA



## *Risalah* **#MALAYSIA MEMBACA**

Tidak akan wujud negara maju sekiranya tiada generasi muda yang bersahsiah mulia, berfikiran matang dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Ciri-ciri ini tidak lain tidak bukan, hanya lahir daripada tabiat membaca.

Slogan dan tagar #MalaysiaMembaca pula dipilih dan mesti dipopularkan agar aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia senantiasa menyelinap dalam sanubari dan denyut nadi masyarakat.

Buku ini merupakan kompilasi penulisan pencinta buku yang mengungkapkan perjalanan peribadi sebagai pembaca buku sejak masa kecil sehingga mempengaruhi hidup sehingga kini. Mereka membuktikan besar atau kecil manusia bukan kerana pangkat dan harta, tapi pada nilai keilmuan yang terhasil daripada asas membaca dan keupayaan untuk membangun hidup dan masyarakat dengan nilai daripada pembacaan tersebut.

